

Hilang demi cinta

Kosmo 2/5/08 M/s 20

Setiap hari dua gadis lari rumah ikut kekasih.

NEGARA pernah digemparkan dengan kes orang hilang akibat sesat di hutan kawasan tanah tinggi. Mujur, semua mangsa ditemui dalam keadaan selamat setelah gerakan mencari dijalankan selama beberapa hari termasuk oleh orang kampung dan masyarakat Orang Asli.

Namun tahukah anda, kejadian sesat atau hilang di dalam hutan cuma mewakili kurang satu peratus daripada keseluruhan ribuan kes orang hilang dilaporkan setiap tahun kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Satu kejutan! Sebenarnya kes orang hilang tertinggi dicatatkan kerana cinta. Secara purata, sekitar 800 orang dikesan sanggup meninggalkan keluarga setiap tahun atau pukul rata lebih dua orang setiap hari.

Tidak hairanlah, penangan cinta merupakan faktor tertinggi yang menjadi dalang dalam kes orang hilang di seluruh negara bermula dari tahun 2000 yang direkodkan oleh PDRM setakat ini.

Berdasarkan sta-



orang dilaporkan hilang lima tahun lalu, seramai 3,957 atau hampir 16 peratus membabitkan kes mengikut kekasih.

Paling menarik, 99.9 peratus orang hilang demi cinta buta malah perempuan, namun ada juga lelaki yang lari dari rumah kerana mengikut kekasih. Kesemua kes melibatkan Bumiputera bukan Islam.

Namun perangkitan ini amat menakutkan kerana ia menunjukkan bahawa kini semakin ramai gadis sanggup melarikan diri semata-mata ingin bersama kekasih, yang menjadi faktor paling tinggi kes orang hilang di Malaysia setiap tahun sejak 2000.

"Tahun lalu saja, seramai 868 daripada 3,355 kes orang hilang

kerana faktor itu, angka tertinggi dalam tempoh lima tahun. Pada 2003, kes lari kerana cinta mencatat peratusan terendah iaitu 14.1 peratus atau 698 daripada keseluruhan 4,939 kes," jelas jurucakap jabatan itu.

Faktor kedua yang mendorong kes orang hilang ialah pengaruh kawan sepaya, diikuti perselisihan faham dengan keluarga terutama ibu bapa. Seramai 3,741 kes orang hilang dalam tempoh lima tahun lalu akibat pengaruh rakan sebaya dan 69.4 peratus atau 2,598 orang adalah wanita.

Kes lari kerana bergaduh dengan ahli keluarga pula membabitkan 2,636 wanita

Info

Punca orang hilang

Sebab	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006*
Penderaan fizikal	33	28	21	51	6	29	15
Pergi cari pekerjaan	545	557	541	517	516	393	141
Pengaruh kawan rapat	705	680	658	806	892	661	341
Lari ikut kekasih	828	808	755	698	868	700	444
Tipu dijadi pelacur	4	2	1	0	0	4	29
Tidak minat belajar	133	135	164	122	122	105	60
Cari kebebasan di luar	600	535	544	549	629	468	265
Penagihan dadah	54	42	52	35	40	27	23
Selisih faham keluarga	780	681	668	716	695	503	259
Kurang perhatian keluarga	41	60	52	68	71	36	40
Tidak siaman / kebodohan	326	274	285	278	299	259	99
Gagal pemeriksaan	1	4	4	9	7	5	1
Lari pusat jagaan wanita	45	49	15	18	32	11	1
Mangsa kes cabul / rogol	0	3	1	0	1	2	5
Malu kepada masyarakat	12	20	10	6	11	9	4
Diculik / gibunuh	21	7	12	15	13	9	2
Hilang di laut dalam	47	61	55	69	60	35	35
Hilang di hutan tebal	42	41	8	25	25	21	10
Bencana alam	6	2	0	1	5	2	1
Dilarikan oleh ibu bapa	66	44	53	81	100	44	26
Tidak diketahui	643	682	612	671	642	574	386
Lain-lain	243	295	298	250	311	238	93
Jumlah	5,137	4,993	4,819	4,939	5,355	4,133	2,279

Nota: * Dari 1 Januari hingga 31 Ogos 2006. Sumber: PDRM

atau 74.4 peratus daripada 3,540 kes yang dilaporkan dan antara puncanya kerana ingin mencari kebebasan di luar.

"Ada juga kes hilang akibat pergi cari pekerjaan, tidak siaman atau bodoh, tidak minat belajar dan paling melucukan dibawa lari oleh ibu atau bapa sendiri. Punca lain ialah tertipu dijadikan pelacur, penagih dadah dan mangsa cabul oleh keluarga," ujar jurucakap itu.

Sehingga kini terdapat 20 punca spesifik untuk kes orang hilang yang diketahui secara jelas antaranya akibat bencana alam, hilang di laut atau hutan, berasa malu terhadap masyarakat seke-



PENANGAN cinta merupakan faktor tertinggi yang menjadi dalang dalam kes orang hilang di seluruh negara seperti yang direkodkan oleh PDRM sejak tahun 2000.

liling, merajuk atau kurang diberi perhatian keluarga.

Remaja berumur 14 hingga 17 tahun merupakan golongan yang terbanyak dilaporkan hilang di negara ini. Remaja perempuan kaum Melayu pula mencatatkan statistik tertinggi hilang berbanding kaum-kaum lain, tetapi merupakan kadar tertinggi mangsa yang mudah dijumpai semula.

Berdasarkan statistik Jabatan Pengurusan, Cawangan Hal Ehwal Awam Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, secara kiraan rawak, dua daripada tiga laporan kes orang hilang membabitkan wanita.

Malah, sejak 2000, purata setiap tahun dianggarkan seramai 3,310 orang hilang atau 65.9 peratus kes membabitkan golongan wanita.

Bahkan tahun lalu, jumlah kes orang hilang melibatkan wanita adalah tertinggi dalam tempoh lima tahun iaitu 66.46 peratus atau 3,559 orang.

"Dari segi kategori umur, kebanyakan mangsa ialah remaja sekolah berumur antara 14 hingga 17 tahun," kata jurucakap jabatan itu.

Skema itu nyata membimbangkan kerana sebilangan mangsa hilang akibat mengikut kekasih, lebih dikhuatiri mereka

yang masih muda itu mungkin terjebak ke dalam lembah pelacuran kerana hanya 42 peratus sahaja mangsa berjaya ditemui semula dalam keadaan selamat.

Tahun lalu merupakan angka tertinggi kaum Melayu teramai dilaporkan hilang iaitu 3,454 orang atau 64.5 peratus daripada keseluruhan 5,335 kes di seluruh negara.

Dalam pada itu, Johor dan Selangor merupakan negeri paling tinggi mencatatkan kes orang hilang. Malah kedua-dua negeri tersebut sering bertukar kedudukan tempat pertama dan kedua setiap tahun.

Misalnya, pada tahun 2000, Johor mencatatkan 996 kes, angka terbesar dalam sejarah, diikuti Selangor dengan 955 kes. Tahun berikutnya, posisi itu diambil alih pula oleh Selangor dengan 958 kes dan Johor hanya 918 kes.

Tahun 2002, keadaan bertukar lagi antara dua negeri itu yang silih berganti lagi termasuk senario serupa direkodkan pada tahun 2003 dan 2004.

Terengganu merupakan negeri tertinggi kes orang hilang dijumpai semula, diikuti Perlis. Setiap tahun, purata dua negeri ini menyaksikan lebih 80 peratus kes orang hilang berjaya ditemui semula, berbanding kadar nasional hanya kira-kira 60 peratus.